

LEMBAH KLANG

Tebing runtuh di Jalan Batu Arang-Rawang

RAWANG - Tebing berhampiran Jalan Batu Arang-Rawang yang terletak kurang 10 meter selepas persimpangan Bayu Permai runtuh sejak Khamis lalu.

Kejadian berpunca daripada hakisan benteng Sungai Gong yang dirempuh arus deras ketika hujan lebat pada hari yang sama.

Runtuhan itu juga menyebabkan relung konkrit yang digunakan untuk laluan aliran air dari sistem saliran ke dalam sungai turut patah.

Ia kali kedua berlaku dan hanya beberapa meter dari lokasi asal awal tahun lalu.

Timbalan Jurutera Daerah JPS Gombak, V Kalaiselvam berkata, pihaknya telah maklum dengan perkara itu dan sedang menunggu laporan penuh dari Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Selayang untuk kerja pembaikan.

"Kita masih menunggu laporan penuh kejadian dan pelan saliran sebelum kerja



Kon dipasang berdekatan tebing runtuh sebagai langkah keselamatan sementara menunggu kerja pembaikan dibuat.

pengukuhan tebing dibuat. Taburan hujan hari kejadian adalah tinggi iaitu 60 mm antara punca tebing tak mampu tampung tekanan arus deras dan berlakunya runtuhan," katanya.

Bagaimanapun katanya, pihaknya tidak menerima se-

barang laporan melibatkan kemalangan atau kehilangan nyawa disebabkan kejadian itu.

Beliau menasihatkan pengguna berhati-hati menggunakan laluan itu dan peka kepada penutupan satu lorong melalui pemasangan kon yang telah dibuat atas faktor keselamatan.